

Industri teksi perlu berubah

PUTRAJAYA : Industri teksi perlu berubah dan menerima pakai teknologi terkini bagi membolehkan mereka bersaing dengan e-hailing. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, daripada seramai 43,000 pemandu teksi di Malaysia hanya seramai 10,000 pemandu teksi yang mengamalkan aplikasi e-hailing, manakala yang lain masih menggunakan cara konvensional.

Menurutnya, pemandu teksi yang menggunakan aplikasi e-hailing boleh mengambil penumpang menggunakan dua platform iaitu e-hailing dan perhentian teksi. "Penumpang hari ini mempunyai pilihan. Mereka (pemandu teksi) perlu berubah dan mereka harus memastikan menawarkan perkhidmatan perkhidmatan dengan cara yang lebih baik secara digital dan dapat bersaing dengan e-hailing," katanya kepada pemberita selepas pelancaran #JOMTEKSI di sini semalam.

#JOMTEKSI ialah sebuah inisiatif di bawah TNG Digital yang menyediakan ekosistem untuk pemandu teksi berkembang maju dalam ekonomi digital. Anthony berkata, industri pengangkutan teksi adalah antara mod pengangkutan awam rakyat yang cukup terkesan dengan kepesatan komunikasi digital di Malaysia.

Menurutnya, kepesatan teknologi komunikasi maklumat menuntut setiap industri di Malaysia termasuk sektor pengangkutan awam melakukan transformasi dalam perkhidmatan mereka yang seiring era digital masa kini. Lebih 6,000 pemandu teksi memilih untuk menggunakan Touch 'n Go eWallet sebagai kaedah pembayaran tanpa tunai dan menerusi #JOMTEKSI, setiap pemandu teksi memperoleh insentif tambahan sebanyak RM4 bagi setiap penumpang yang pertama kali membuat bayaran menggunakan aplikasi Touch 'n Go eWallet.

Melalui inisiatif #JOMTEKSI, sebanyak lima perhentian teksi di Putrajaya dan Cyberjaya diubah suai iaitu dilengkapi dengan port USB untuk memudahkan penumpang mengecas peranti mudah alih mereka.
